

# Pentadbiran Darters juara Dart Tertutup UMS-KAL 2012

UB 28.07.2012 A15

LABUAN : Pasukan Pentadbiran Darters muncul juara Pertandingan Dart Tertutup Piala Pengarah UMS-KAL 2012 kali pertama peringkat Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) yang diadakan selama dua bulan sejak Jun lalu.

Pasukan itu diwakili A Rosle Abdul Karim, Sulaiman Abdullah, Jarim Durahman, Mohd Asyrul Tengah, Dahlan Mantri, Suharno Sutarno dan Farino Taip membawa pulang Piala Pusingan dan wang tunai.

Naib johan pasukan Library Darters, ketiga BPP Darters, keempat PAP Darters dan kelima Security Darters.

Pertandingan anjuran Bahagian Perpustakaan itu disertai lima pasukan bertujuan untuk melahirkan lebih ramai pemain dart yang baik dan mahir untuk mewakili UMS-KAL dan UMS di kejohanan tempatan dan kebangsaan.

Pemangku Pengarah UMS-KAL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim berkata, penganjuran sukan dart itu mampu membawa kecemerlangan kepada kakitangan UMS-KAL yang sememangnya berkebolehan dalam sukan dart.

Oleh itu, beliau yang juga Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), berharap semangat sukan dart itu juga mampu diserapkan semasa melakukan tugas harian.

“ Kesungguhan dan komitmen

dilihat sebagai sesuatu yang perlu dibanggakan oleh semua pihak di UMS di samping sebagai inisiatif yang mampu membudayakan sukan di peringkat universiti, “ katanya berucap pada majlis penyampaian hadiah di Bilik Mesyuarat SSIL, Khamis lalu.

Turut hadir pengerusi penganjur yang juga Pustakawan Kanan, Bahagian Perpustakaan UMS-KAL, Baharin Entoh.

Ag Asri yakin, melalui penganjuran sukan dart itu ianya mampumengeratkan lagi hubungan persahabatan antara kakitangan dan menerapkan gaya hidup yang sihat sekaligus melahirkan kakitangan UMS-KAL yang lebih bertenaga dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab kepada UMS.

Beliau menyeru dengan semua pihak agar mencontohi penganjuran dart itu pada masa akan datang supaya lebih ramai kakitangan UMS-KAL dapat menonjolkan bakat mereka dalam pelbagai sukan.

Sementara itu, Baharin berkata, kejohanan itu disertai ramai pemain berpengalaman yang pernah mewakili UMS dan Wilayah Persekutuan Labuan di peringkat universiti, IPTA dan kebangsaan.

Katanya, kejohanan itu akan diadakan pada setiap tahun untuk memberi peluang kepada semua kakitangan UMS-KAL mempamerkan kebolehan masing-masing dalam sukan yang mereka minati termasuk dart.



DR Ag Asri (lima dari kiri) menyampaikan piala pusingan kepada A Rosle diperhatikan Baharin (dua kanan) di Bilik Mesyuarat SSIL.